

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA

MALAYSIA

Penggal Yang Kelima

Atoran Urusan Meshuarat

Hari Sabtu, 21hb. Disember, 1963 pukul 10.00 pagi

No. 27

77

PERTANYAAN2 BAGI JAWAB MULUT

- *1. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Kewangan berapa banyak keuntongan daripada perusahaan getah yang telah di-hantar keluar negeri dalam tahun 1959, 1960, 1961 dan 1962, dengan di-terangkan jumlah banyak-nya dengan kiraan wang negeri ini dan ka-mana negeri-nya di-hantar-nya keuntongan2 ini.
- *2. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Kewangan berapa banyak keuntongan yang di-dapati oleh gudang2 negeri asing dalam perusahaan getah bagi tahun 1959, 1960, 1961 dan 1962.
- *3. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Kewangan berapa harga barang2 dengan kiraan ringgit yang di-bawa masuk ka-Tanah Melayu oleh gudang2 yang di-beri modal semua sa-kali atau sa-bahagian-nya oleh saudagar2 negeri asing dalam tahun 1959, 1960, 1961 dan 1962.

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU2
USUL

- 1. (DR.37/63) Rang Undang2 Perbekalan, 1964 - Membahathkan lagi atas usul "Bahawa Rang Undang2 ini hendak-lah di-bachakan kali yang Kedua" (20hb Disember, 1963).
- 2. Menteri Kewangan akan menhadangkan:
 - Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu sa-jumlah wang tidak lebeh daripada \$721,587,720 hendak-lah di-keluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1964 dan bagi maksud menepati tujuan2 Kepala dan Pechahan Kepala yang di-terangkan dalam ruangan yang kedua dalam Kenyataan yang terbentang di-atas Meja Meshuarat sa-bagai Kertas Titah No. 46 tahun 1963, hendak-lah di-untokkan jumlah wang di-sebutkan bertentangan dengan Kepala dan Pechahan Kepala yang tersebut dalam ruangan yang kesembilan dan kesa-puloh berkenaan dengan Kepala 100-153 dan ruangan kelapan dan kesembilan berkenaan dengan Kepala 155-210.
- 3. Menteri Kewangan akan menchadangkan:
 - Bahawa menurut kuat-kuasa sharat sekshen-kechil (4) dalam Sekshen 10 Undang2 Peratoran Kewangan tahun 1957, Jadual Yang Kedua dalam Undang2 tersebut hendak-lah di-pinda dengan menambahkan pada-nya perkara yang baharu saperti berikut:-
 - "The Rehabilitation Fund"
- 4. Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani akan menchadangkan:
 - Bahawa Dewan ini mengutok Kerajaan Pusat yang telah menyalah-gunakan kuasa Undang2 Keselamatan Dalam Negeri bagi menangkap dan menahan sa-orang ulama baharu2 ini di-Kelantan dan menuntut supaya dia di-lepaskan dan perbuatan menahan mana2 ulama Islam kerana pendapat ugama-nya itu tidak lagi di-lakukan.

5. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad akan menchadangkan:

Bahawa Kerajaan hendak-lah mengadakan sa-buah Undang2 bagi menubohkan Majlis Kebudayaan Negara.

6. Enche' V. David akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini meminta kapada Kerajaan menggantikan Undang2 Ibu Kota Persekutuan dengan sa-buah Majlis Municipal bagi Kuala Lumpur yang ~~di~~-pileh semua sa-kali Ahli2-nya dalam Pilehan Raya.

7. Enche' Lim Hian Boon akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengutok perbuatan Kerajaan Pusat menyalah-gunakan kuasa2-nya mengikut Rang Undang2 Keselamatan Dalam Negeri, kerana baharu2 ini telah melakukan tangkapan dan tahanan terhadap ketua2 parti politik dan ketua2 Kesatuan Sa-kerja, dan menuntut supaya di-bebaskan dengan serta-merta dengan tiada bersharat atau di-bicharakan dalam Mahkamah Undang2.